

# UPM lancar kempen budi bahasa

SERDANG, 4 Julai – Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni yang sering diwar-warkan oleh kerajaan disambut baik oleh Universiti Putra Malaysia (UPM). Ini terbukti apabila UPM mengambil inisiatif untuk melaksanakannya di Kampus Hijau ini.

Majlis pelancaran kempen tersebut berlangsung di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah baru-baru ini. Pelancaran disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian, dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim.

Kempen ini berlangsung selaras dengan program Pengambilan Pelajar Baharu Semester Pertama 2005/2006 bagi memenuhi matlamat sebenar kempen

Oleh:  
**WAN NOR AZIRA MAZLAN**

ini. Maka daripada peringkat awal lagi para pelajar baharu ini akan didedahkan kepada nilai-nilai murni supaya dapat mereka praktikkan, bukan sahaja ketika di kampus, tetapi juga sebagai bekalan dalam diri mereka kelak.

Namun program ini tidak hanya disasarkan kepada para pelajar baharu sahaja, tetapi ia turut melibatkan pelajar senior dan juga kakitangan UPM.

Oleh itu, sebanyak 6,000 kit budi bahasa diedarkan kepada para pelajar dan kakitangan. Kit tersebut mengandungi poster, buku, rencana, pelekat serta kaset lagu tema nyanyian Siti Nurhaliza.

Naib Canselor dipetik seba-

gai berkata, rasional kempen ini bagi penuntut baru adalah kerana menyedari terdapat segelintir yang sudah mengeneipkan budaya dan adat resam ketimuran, mengamalkan cara hidup yang kasar dan tidak berbahasa dalam berbicara.

Program ini juga bermatlamat untuk membudayakan amalan berbudi bahasa demi melahirkan individu yang memiliki jati diri positif, berfikiran luas dan bertanggungjawab.

Selain itu pelbagai aktiviti menarik dilaksanakan bagi merencanakan kempen. Antaranya ialah Pertandingan Debat Budi Bahasa, pengedaran poster, kain rentang, dan kempen senyum pada semua.



*Dr. Rais (tengah) bersama Dr. Mohd Zohadie dan Dr. Rosli memotong kek pelancaran kempen nilai-nilai murni dan berbudi bahasa.*

*Kempen ini berlangsung selaras dengan program Pengambilan Pelajar Baharu Semester Pertama 2005/2006 bagi memenuhi matlamat sebenar kempen ini. Maka daripada peringkat awal lagi para pelajar baharu ini akan didedahkan kepada nilai-nilai murni supaya dapat mereka praktikkan, bukan sahaja ketika di kampus, tetapi juga sebagai bekalan dalam diri mereka kelak.*